

PEMBANGUNAN EKONOMI MELALUI AGIHAN ZAKAT: TINJAUAN EMPIRIKAL*

Patmawati bte Hj Ibrahim**

ABSTRACT

This article attempts to explain the ability of zakat distribution in the economic development of the ummah. The article starts by explaining the position of zakat in the life of the Muslim. It further discusses Islamic theoretical views on the positive role of zakat distribution in encountering socio economic problems in Muslim society via income redistribution, which leads to income gap reduction and poverty alleviation. Results of the empirical works from previous studies have supported the theory, proving that zakat distribution successfully reduces the income gap. At the same time, it also reduces the incidence and the burden of poverty. This article then suggests the need of a comprehensive action plan to ensure the effectiveness of zakat distribution in improving the economy of the ummah. The comprehensive action plan needs the cooperation and serious commitment from three important parties, namely, the zakat agency, the zakat recipients, and the government.

Keywords: *Islamic economy, zakat, development economy, poverty, income distribution*

* Artikel ini diubahsuai dari kertas kerja bertajuk “Peranan Agihan Zakat dalam Pembangunan Ekonomi Ummah” yang telah dibentangkan dalam Konvensyen Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC, Kuala Lumpur, 22–24/5/07.

** Senior Lecturer at Department of Shariah and Economy, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, e-mail: y0patma@um.edu.my.

PENDAHULUAN - ZAKAT DALAM KEHIDUPAN MUSLIM

Zakat berbeza dengan sumber-sumber pendapatan kerajaan yang lain di mana tanggungjawab membayar zakat adalah merupakan sebahagian dari ibadah dalam kehidupan Muslim. Allah telah menyatakan dalam al-Quran bahawa menunaikan zakat itu adalah merupakan sebahagian dari ciri-ciri seorang Muslim, yang bermaksud;

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebajikan dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasulnya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.”

Surah al-Tawbah: 71¹

Sebagai salah satu dari rukun Islam, arahan untuk melaksanakan tanggungjawab zakat ini adalah sangat besar di mana bagi mereka yang gagal melaksanakannya akan mendapat balasan azab yang pedih di dunia dan akhirat. Hal ini dinyatakan dalam surah *al-Fuṣṣilat*, yang mengkhabarkan ancaman Allah terhadap orang-orang *musyrik*. Ayat ini turut menerangkan ciri-ciri orang *musyrik*, di antaranya ialah tidak menunaikan zakat dan tidak mempercayai akan adanya hari akhirat.

“Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredhaanNya), serta pohonlah kepadaNya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu). Dan ingatlah, kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekutukanNya (dengan sesuatu yang lain), iaitu orang-orang yang tidak memberi zakat (untuk membersihkan jiwa dan hartanya) dan mereka pula kufur ingkar akan adanya hari akhirat.”

Surah al-Fuṣṣilat: 6-7²

¹ Sheikh Abdullah Basmeih (1992), Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, hh. 446-447.

² Ibid, h. 1265.

Dalam ayat yang lain, Allah menjanjikan rahmatNya ke atas mereka yang menunaikan zakat yang bermaksud:

“Dan tetapkanlah untuk kami kebaikan dalam dunia ini dan juga di akhirat, sesungguhnya kami kembali (bertaubat) kepadaMu. Allah berfirman: AzabKu akan Aku timpakan kepada sesiapa yang Aku kehendaki, dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu: maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang yang bertaqwa, dan yang memberi zakat, serta orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami.”

Surah al-A`rāf: 156³

Kerajaan bagi negara yang mempunyai penduduk majoriti Muslim, tugas memungut zakat untuk kebajikan para penerima agihan zakat adalah satu tanggungjawab yang diwahyukan secara langsung oleh Allah. Kepentingan zakat terhadap orang Islam adalah jelas daripada hadith-hadith yang menyatakan bahawa dibenarkan memerangi orang-orang Islam yang mendirikan solat tetapi tidak menunaikan zakat.⁴

TUJUAN ZAKAT

Islammenekankanpenubuhansebuahmasyarakatyangadil,berperikemanusiaan dan bersatu padu. Melindungi manusia dari kelaparan, menjamin keselamatan sosial dan menjaga maruah dan kehormatan insan merupakan elemen-elemen yang perlu dalam peraturan masyarakat yang adil dan berperikemanusiaan. Rasulullah SAW menyatakan bahawa kelaparan adalah satu bentuk tekanan masyarakat yang paling berat. Oleh itu, Islam mencadangkan institusi zakat sebagai satu mekanisme yang menyelamatkan manusia dari kelaparan, menjamin keadilan sosio-ekonomi dalam masyarakat dan menyediakan satu suasana yang membolehkan manusia memelihara kehormatan dan melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah. Dengan meningkatkan produktiviti masyarakat, zakat menghilangkan rasa irihati sesama ahli

³ Ibid, h. 383.

⁴ Terdapat pelbagai contoh arahan dan perintah, ganjaran pahala dan balasan yang dahsyat, kejayaan dan kegagalan di dunia dan di akhirat berkaitan dengan pembayaran zakat. Rasulullah SAW mengisytiharkan bahawa sesiapa yang menunaikan solat tetapi tidak menunaikan zakat, maka solatnya adalah sia-sia. Khalifah Abu Bakar as-Siddiq pula telah menggunakan paksaan ke atas mereka yang enggan membayar zakat kepada kerajaan. Beberapa ayat Quran yang berkaitan dengan zakat adalah 2:110, 23:1-6, 51:19, 70:24-25.

masyarakat, dan seterusnya menghasilkan masyarakat Muslim yang aman dan bersatu-padu. Oleh itu, zakat telah diwahyukan untuk memenuhi matlamat yang jelas dalam masyarakat. Secara ringkasnya, zakat telah ditetapkan oleh Allah dengan matlamat utama sebagai satu bentuk jaminan keselamatan sosial bagi mereka yang miskin dan memerlukan, membangunkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat, dan juga sebagai satu bentuk penyucian dan pembangunan spiritual.

AGIHAN ZAKAT

Zakat diagihkan untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan bagi memenuhi keperluan asas mereka. Ia diagihkan untuk memenuhi pelbagai keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Zakat hanya boleh diagihkan kepada golongan-golongan yang tertentu sahaja, seperti dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin, dan `amil-`amil yang mengurusnya, dan orang-orang mu`allaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Surah al-Tawbah: 60⁵

Ayat di atas diakhiri dengan perkataan “*sebagai satu ketetapan dari Allah*” menunjukkan bahawa sedekah-sedekah yang dimaksudkan dalam ayat di atas, iaitu zakat, bukannya satu bentuk derma pilihan (*optional charity*), sebaliknya satu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan (*obligatory*). Lapan golongan (asnaf) yang layak menerima agihan zakat telah dinyatakan oleh Allah melalui ayat di atas dan mestilah dipatuhi dalam mengagihkan hasil-hasil zakat.

Sheikh Abdullah Basmeih (1992), op.cit, h. 443.

Secara ringkas, lapan golongan yang layak menerima agihan zakat seperti dinyatakan dalam ayat di atas, adalah seperti berikut:

1. *Faqīr* - Golongan ini mempunyai harta di bawah nilai nisab. Mereka ialah golongan yang benar-benar miskin dan memerlukan bantuan orang lain untuk meneruskan kehidupan samada disebabkan oleh ketidakupayaan fizikal, lanjut usia, dan sebagainya. Dalam konteks semasa di Malaysia, pendapatan garis kemiskinan (PGK) ialah sebanyak RM 661 sebulan bagi isi rumah 4.6 di Semenanjung Malaysia, dan RM 691 sebulan bagi Malaysia. Mengikut definisi RMK9, pendapatan isi rumah golongan *faqīr* ini berada di bawah keperluan makanan iaitu sebanyak RM 400 sebulan.⁶
2. *Masākīn* - Mereka adalah golongan miskin yang tidak menzahirkan kemiskinan mereka.⁷ Mengikut definisi RMK9, dalam konteks Malaysia, mereka ini merupakan golongan isi rumah yang berpendapatan antara RM 400 hingga RM 691 sebulan.
3. *‘Āmilīn* - Mereka adalah golongan yang bekerja untuk mentadbir dan mengurus hal-hal berkaitan zakat. Ini termasuk kesemua pegawai dan petugas yang dilantik oleh negeri untuk menjalankan tugas-tugas berkaitan zakat, seperti pengiraan, kutipan dan agihan. Mereka yang terlibat dengan pekerjaan berkaitan zakat, maka layak mendapat gaji dari dana zakat.
4. *Muallafat al-Qulūb* – Mereka yang hatinya dipujuk untuk mendekati Islam. Secara prinsipnya, golongan ini meliputi mereka yang persahabatan dan kerjasama dengannya akan membantu memperkuat Islam. Termasuk juga dalam golongan ini ialah mereka yang baru memeluk Islam, yang kehilangan harta benda dan saudara-mara mereka yang

⁶ Unit Perancang Ekonomi, JPM (2006), Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9: 2006-2010). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h. 348.

⁷ Rasulullah SAW berkata: “Miskin ialah mereka yang tidak cukup untuk memenuhi keperluan mereka tetapi tidak dikenali sebagai golongan yang memerlukan yang membolehkan mereka dibantu. Mereka juga tidak bangun dan meminta-minta pertolongan.” (Bukhari & Muslim). Terdapat pelbagai pendapat yang berbeza berkenaan definisi fakir dan miskin. Sebahagian berpendapat bahawa keduanya membawa maksud yang sama, manakala sebahagian lain berpendapat bahawa maksud keduanya adalah berbeza. Perbezaan definisi ini tidak penting dalam konteks zakat kerana kedua-dua golongan ini termasuk dalam kategori mereka yang memerlukan pertolongan dan bantuan orang lain, sama ada kekal ataupun sementara.

lampau. Oleh itu mereka memerlukan bantuan dan sokongan. Bantuan kewangan berkemungkinan membantu memperkuat iman mereka dan melahirkan rasa kebersamaan (*sense of belonging*) dalam kalangan umat Islam. Termasuk juga dalam golongan ini mereka yang sangat kuat menentang Islam, tetapi pemberian wang mampu melembutkan mereka. Hasil zakat boleh diberikan kepada golongan ini walaupun mereka kaya.

5. *Riqāb* – Membebaskan hamba. Dalam keadaan sekarang di mana tiada lagi sistem perhambaan, tafsiran asnaf ini telah diperluaskan kepada seseorang yang terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya. Seorang yang telah disahkan ingin membebaskan dirinya dari belenggu⁸ yang dihadapi⁹ tergolong dalam asnaf ini.
6. *Gharīm* - Penghutang Muslim yang tidak mempunyai sumber untuk menjelaskan hutang yang diharuskan oleh syara' pada perkara asasi untuk diri dan tanggungan yang wajib ke atasnya¹⁰ atau sebagai penjamin atau kerana menyelesaikan permasalahan ummah.
7. *Fī sabīlillāh* - Perjuangan, usaha dan aktiviti untuk menegakkan dan meninggikan agama Allah (Islam) di dunia. Yang paling ekstrim adalah 'jihad' (*Islamic war*).
8. *Ibn al-Sabīl* - Musafir yang kehabisan bekalan dalam perjalanan atau semasa memulakan perjalanan dari negaranya yang mendatangkan pulangan yang baik kepada Islam dan umatnya atau orang Islam yang tiada perbekalan di jalanan. Musafir ini berkemungkinan kaya di negara asal mereka, tetapi menghadapi masalah dan memerlukan pertolongan di tempat lain.

Jelas di sini bahawa lapan asnaf zakat merangkumi pelbagai golongan yang memerlukan bantuan kewangan. Golongan berpendapatan rendah dan memerlukan, sementara ataupun kekal, semuanya dilindungi oleh zakat. Sebahagian besar dari zakat akan diagihkan kepada mereka yang berpendapatan rendah dalam ekonomi. Oleh itu, melalui institusi zakat wang

⁸ Belenggu adalah kuasa luaran atau keadaan yang merampas dan menjatuhkan maruah dan kebebasan seseorang sebagai seorang Muslim.

⁹ Contoh: a) Penagih dadah yang terbelenggu dengan dadah seperti penagih dadah dan bekas penagih dadah, b) Anak yang terbelenggu oleh cara hidup ibu bapa yang tidak Islamik, c) Pelacur yang ingin membebaskan diri, dan d) Muslim yang terbelenggu oleh cara hidup jahiliyah.

¹⁰ Sekiranya ada sumber tetapi tidak mencukupi maka dijelaskan sebahagian sahaja.

yang dipungut dari golongan berpendapatan tinggi dalam masyarakat akan dipindahkan kepada golongan yang berpendapatan rendah, mempunyai kesan agihan semula yang berkesan dalam masyarakat.¹¹

Zakat juga bertujuan untuk membantu ahli-ahli lain dalam masyarakat yang tidak miskin dari segi material dan kewangan pada asalnya, sebaliknya menghadapi masalah kewangan dan material tanpa dijangka, seperti menghadapi masalah kewangan dalam perjalanan. Zakat juga meringankan bebanan orang-orang yang tidak mampu menyelesaikan hutang. Peranan zakat juga sangat penting dalam membantu mereka yang berjuang menegakkan agama Allah (*fi sabīlillāh*).

Bentuk-bentuk Agihan Zakat

Selain dari pengkelasan kepada lapan golongan (asnaf) zakat di atas, para penerima agihan zakat juga boleh diklasifikasikan kepada golongan penerima zakat produktif dan tidak produktif. Para penerima agihan yang mampu berusaha dikategorikan sebagai produktif, manakala mereka yang tidak upaya disebabkan lanjut usia, masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif. Bantuan yang diberikan kepada mereka bergantung kepada keperluan berdasarkan siasatan yang dilakukan oleh agensi zakat terbabit terhadap keperluan asnaf dari masa ke semasa. Terdapat pelbagai jenis bantuan yang diberikan oleh pusat-pusat zakat di Malaysia kepada para penerima agihan zakat. Secara umum, jenis-jenis bantuan zakat boleh dibahagikan kepada 6 kategori utama, dilihat dari pelbagai aspek sosio-ekonomi masyarakat:

- i. Bantuan penggunaan semasa (untuk makanan dan sara hidup)
- ii. Bantuan perubatan
- iii. Bantuan pendidikan
- iv. Bantuan keusahawanan
- v. Bantuan keagamaan
- vi. Bantuan kecemasan.

Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan keberkesanan agihan zakat dalam meningkatkan ekonomi ummah berdasarkan fakta-fakta secara teoritikal, disokong dengan bukti-bukti empirikal menggunakan model-model ekonomi sedia ada yang berkaitan. Seterusnya, artikel ini mengemukakan

¹¹ Sadeq, AHM (1991), *Economic Development In Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, h. 65.

pelan tindakan bersepadu pihak- pihak yang terlibat dengan agihan zakat dalam usaha membuktikan potensi zakat untuk diketengahkan ke dalam arus perdana ekonomi untuk sama-sama menyumbang terhadap peningkatan ekonomi ummah.

IMPLIKASI AGIHAN ZAKAT TERHADAP PENINGKATAN SOSIO-EKONOMI UMMAH¹²

Kutipan dan agihan zakat mempunyai implikasi sosio-ekonomi yang penting. Antara yang utama ialah berkaitan dengan agihan pendapatan dan kekayaan, serta pembasmian kemiskinan.

(a) Zakat dan Agihan Pendapatan dan Kekayaan

Segala bentuk kekayaan yang dikurniakan Allah di muka bumi tidak boleh tertumpu hanya kepada satu golongan yang tertentu sahaja. Sebaliknya, ia perlulah beredar di kalangan semua ahli dalam masyarakat. Konsep keadilan dalam Islam tidak bermaksud pulangan yang sama kepada setiap ahli dalam masyarakat tanpa mengambil kira sumbangan mereka. Islam menerima adanya ketidakseimbangan agihan pendapatan disebabkan oleh manusia itu tidak sama secara semulajadi dari segi tingkah laku, kepakaran, dan sumbangan mereka terhadap masyarakat.¹³ Bagaimanapun, keperluan asas setiap individu adalah terjamin dalam sebuah kerajaan Islam. Di sini, zakat memainkan peranan sebagai mekanisma agihan semula pendapatan dan kekayaan. Zakat dilaksanakan untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan agihan pendapatan, dan mengelakkan daripada berlakunya penumpuan harta di kalangan golongan tertentu sahaja dalam masyarakat.¹⁴ Zakat menyediakan mekanisme di mana sumber-sumber yang ada dalam masyarakat akan diagihkan kepada yang miskin dan memerlukan. Dengan itu, jurang agihan pendapatan dalam masyarakat akan dapat dirapatkan.

¹² Patmawati Ibrahim (2006), "Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor", PhD Thesis, Faculty of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia (unpublished).

¹³ Sila rujuk Al-Quran, 6:165, 61:71, dan 43:32.

¹⁴ Ibid, 59:7.

Pembuktian Empirikal

Kesan zakat terhadap agihan pendapatan di kalangan pengeluar padi telah dikaji oleh Ismail Salleh dan Rogayah Ngah, yang mengkaji kesan zakat terhadap agihan pendapatan di empat buah negeri di Malaysia iaitu Perak, Kedah, Kelantan dan Terengganu untuk tahun 1978.¹⁵ Dengan menggunakan indeks Gini-Coefficient¹⁶ bagi mengukur ketidakseimbangan agihan pendapatan, perbezaan sebelum dan selepas agihan zakat diukur menggunakan 'indeks penurunan'. Indeks ini akan menentukan sumbangan agihan zakat terhadap agihan pendapat samada positif atau negatif. Hasil kajian mereka mendapati zakat yang dipungut di Malaysia mampu memperbaiki agihan pendapatan kasar di kalangan para pengeluar padi.

Kajian lain berkaitan kesan zakat terhadap agihan pendapatan telah dilakukan oleh Jehle.¹⁷ Menggunakan AKS indeks¹⁸ bagi mengukur ketidakseimbangan agihan pendapatan, Jehle menganalisis kesan zakat terhadap agihan pendapatan di Pakistan, menggunakan data tahun 1987-88. Hasil kajian beliau mendapati zakat telah mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di Pakistan, walaupun penurunan tersebut adalah kecil.

Patmawati Ibrahim¹⁹ telah mengkaji kesan agihan zakat terhadap agihan pendapatan di kalangan para penerima agihan zakat dari asnaf fakir

¹⁵ Ismail Muhd Salleh and Rogayah Ngah. (1980), "Distribution of the Zakat Burden on Padi Producers in Malaysia" in M. Raquibuz Zaman (ed.), *Some Aspects of the Economics of Zakat*. New York: American Trust Publication, hh. 81-153.

¹⁶ Gini coefficient adalah berdasarkan kepada keluk Lorenz. Ia dikira menggunakan formula berikut:

$$G = \sum_{t=1}^T P_t Q_{t+1} - \sum_{t=1}^T P_{t+1} Q_t$$

di mana G: Gini coefficient; P_t = peratus penduduk terkumpul dalam kumpulan ke t; Q_t = peratus pendapatan dalam kumpulan ke t, di mana $t = 1, 2, \dots, t$. Nilai $G : 0 < G < 1$. $G = 1$ menunjukkan agihan pendapatan sangat tidak seimbang, $G = 0$ menunjukkan agihan pendapatan sangat seimbang.

¹⁷ Jehle, Geoffrey A. (1994), "Zakat and Inequality: Some Evidence From Pakistan", *Review of Income and Wealth*, Series 40, Number 2, June, hh. 205-216.

¹⁸ AKS index menggunakan index etika untuk melihat kesan keseluruhan agihan pendapatan. Ianya berasaskan kepada konsep "equally distributed equivalent income".

¹⁹ Patmawati Ibrahim (2006), *op.cit*, hh. 7.11.

dan miskin di Selangor. Menggunakan data tahun 2001-2002, beliau telah menggunakan indeks Gini-Coefficient berdasarkan keluk Lorenz, yang mengukur ketidakseimbangan agihan pendapatan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa mengikut indeks Gini-Coefficient, agihan zakat berjaya mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan di kalangan asnaf fakir dan miskin. Selanjutnya, menggunakan indeks Atkinson²⁰ yang mengambil kira kesan faktor kebajikan dalam agihan pendapatan didapati agihan zakat yang dilakukan telah menjadikan agihan pendapatan lebih tidak seimbang daripada 0.38 kepada 0.53. Tahap kebajikan masyarakat berkurangan disebabkan oleh kehilangan dalam pendapatan akibat ketidakseimbangan agihan pendapatan. Selanjutnya beliau telah membuat simulasi dalam kajiannya. Simulasi tersebut telah berjaya memperbaiki agihan pendapatan yang diukur menggunakan kedua-dua indeks Gini (0.20) dan Atkinson (0.16). Hasil kajian beliau mencadangkan supaya kaedah agihan zakat diperbaiki dengan menggunakan had kifayah sebagai pendapatan garis kemiskinan, serta mengambilkira lokasi penerima samada Bandar atau luar Bandar, dan juga kedudukan kewangan penerima agihan. Jumlah bantuan yang diberikan mestilah menyamai atau lebih dari jurang kemiskinan berdasarkan had kifayah.

Sebagai kesimpulan, selain dari fakta teoritikal, kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berjaya membuktikan secara empirikal kemampuan agihan zakat dalam mengatasi masalah ketidakseimbangan agihan pendapatan.

(b) Zakat dan Pembasmian Kemiskinan

Objektif sosio-ekonomi yang utama bagi zakat ialah membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat Islam. Islam menganggap kemiskinan sebagai satu masalah yang serius. Kemiskinan merupakan salah satu punca berlakunya jenayah dalam masyarakat. Kemiskinan juga membawa kepada rasa benci dan permusuhan di antara golongan kaya dan miskin, yang akan membawa kepada konflik sosial dalam masyarakat.²¹

²⁰ Atkinson index; $I = 1 - \frac{Y_{EDE}}{m}$; $Y_{EDE} = \frac{m}{(1 - G_p)}$; di mana (Y_{EDE}): *equally distributed equivalent income*; m : pendapatan purata fakir dan miskin, dan G_p : Gini coefficient fakir dan miskin. Nilai I : $0 < I < 1$; $I = 0$ agihan pendapatan sangat seimbang; $I = 1$ agihan pendapatan sangat tidak seimbang.

²¹ Sadeq, AHM (1991), op.cit, hh. 60-61.

Nabi Muhammad SAW memberi perhatian yang berat terhadap isu kemiskinan. Baginda telah menjelaskan kepada para sahabat bahawa zakat perlu dibelanjakan untuk membantu golongan miskin. Imam Abu Hanifa telah mengikuti langkah ini dan mengisytiharkan bahawa zakat hanya digunakan untuk kebajikan golongan miskin. Sehubungan dengan itu, para ulama Islam telah bersependapat bahawa keutamaan dalam agihan zakat ialah untuk membasmi kemiskinan.

Zakat juga telah dikenalpasti sebagai komponen utama dalam sistem keselamatan sosial Islam. Zakat didapati mampu mengurangkan kemiskinan (walaupun tidak membasminya) dan mengurangkan jurang agihan pendapatan (walaupun tidak menghapuskannya), serta mempunyai potensi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi.²² Monzer Kahf berpendapat, dalam mengaplikasikan zakat kontemporari, setiap negara Islam perlu ingat bahawa zakat sahaja tidak mampu mengatasi masalah kemiskinan di kalangan negara-negara Islam. Menurut beliau, zakat adalah merupakan alat agihan semula, sedangkan kemiskinan di kalangan negara-negara Islam berpunca dari produktiviti dan tahap pembangunan ekonomi yang lemah. Monzer Kahf mencadangkan supaya asas zakat diperluaskan dan dengan itu dana zakat akan meningkat.²³

Kajian yang dilakukan oleh Timur Kuran²⁴ di Pakistan, Malaysia, dan Arab Saudi menyimpulkan bahawa sekiranya zakat diharapkan untuk membasmi kemiskinan secara bersendirian, maka rancangan ini akan menemui kegagalan. Menurut beliau ini adalah disebabkan oleh zakat pada hari ini tidak memainkan peranan ekonomi yang utama.

Ataul-Haq²⁵ melihat bahawa zakat boleh berperanan untuk meningkatkan taraf hidup, pendapatan dan seterusnya membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang agihan pendapatan melalui kesan pengganda dari

²² Imtiaz I.A., Mannan M.A., Niaz M.A. and Deria A.H. (eds.) (1989), *Management of Zakat in Modern Muslim Society*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, IDB, h. 20.

²³ Kahf, Monzer (1999), "The Performance of the Institution of Zakat in Theory and Practice", Paper presented in the International Conference on Islamic Economics in the 21st Century, held in Kuala Lumpur, 9-12 August 1999, h. 20.

²⁴ Kuran, Timur (2002), "Islamic Redistribution Through Zakat: Medieval Roots of Contemporary Problems", paper presented at a Conference on Poverty and Charity in the Forthcoming in Conference Volume, Suny Press, 2002. Middle East, (held at the University of Michigan, Ann Arbor, on May 4-7, 2000), hh. 21-22.

Ataul-Haq, Pramanik (1993). *Development and Distribution in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications, hh. 12-13. ۱۵

zakat. Projek-projek yang dibiayai menggunakan dana zakat dalam bidang pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial, dan lain-lain akan meningkatkan produktiviti golongan miskin dengan memenuhi keperluan asas mereka. Pendapatan golongan miskin akan meningkat sebagai kesan dari peningkatan produktiviti. Muhammad Anwar²⁶ berpendapat bahawa pembangunan ekonomi golongan fakir dan miskin ini sebagai satu isu yang serius, dan tidak boleh ditangani secara bermusim. Oleh itu perlu ada perancangan projek jangka pendek dan jangka panjang dalam program-program pembangunan golongan miskin. Beliau mengkaji tentang potensi sumbangan zakat dalam membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang untuk meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Menurut beliau, selain daripada digunakan untuk penggunaan jangka pendek dan semasa, dana zakat juga boleh digunakan untuk membiayai projek-projek pembangunan jangka panjang yang akan mendatangkan faedah jangka panjang kepada golongan fakir dan miskin dalam masyarakat. Menurut kajiannya, penggunaan dana zakat sebegini dibenarkan dalam Islam.

Pembuktian Empirikal

Shirazi²⁷ mengkaji tentang kesan zakat dan *'ushr* ke atas pembasmian kemiskinan di Pakistan. Menggunakan FGT indeks²⁸ beliau telah menggunakan data tahun 1990-91 bagi melihat kesan zakat dan *'ushr* ke atas pembasmian kemiskinan di Pakistan. Hasil kajian beliau mendapati kadar kemiskinan berkurangan dari 38.7 % kepada 38% dengan adanya agihan zakat dan *'ushr*. Kajian beliau juga mendapati agihan zakat dan *'ushr* berjaya mengurangkan jurang kemiskinan dari 11.2% kepada 8%. Beliau juga mendapati agihan zakat mempunyai kesan yang signifikan terhadap pendapatan bolehguna golongan berpendapatan rendah.

²⁶ Anwar, Muhammad, (1995), "Financing Socio-Economic Development With Zakat Funds", Journal of Islamic Economics, vol. 4, no. 1&2, hh. 15-32.

²⁷ Shirazi, N.S. (1996), System of Zakat in Pakistan: An Appraisal. Islamabad: International Institute of Islamic Economics, hh. 81-92.

²⁸ FGT index : $P_a (y : z) = \frac{1}{n} \sum_{i=1}^q \left(\frac{g_i}{z} \right)^a$

di mana ; $g_i = z - y_i$, adalah kurangan pendapatan (*the income short-fall*) of the i th poor, z : pendapatan garis kemiskinan, q bilangan isirumah yang berpendapatan kurang dari pendapatan garis kemiskinan. a adalah parameter yang mempunyai nilai lebih besar atau sama dengan 1 ($a \geq 0$). Parameter a dilihat sebagai pengukuran penghindaran kemiskinan. Semakin besar nilai a pengukuran ini menjadi lebih sensitif terhadap pendapatan golongan termiskin.

Bank Pembangunan Islam (IDB) telah menjalankan kajian pada tahun 2004 untuk melihat sama ada dana zakat mencukupi bagi memenuhi keperluan golongan miskin. Sebanyak 24 buah negara anggota IDB telah dipilih sebagai sampel kajian. Hasil kajian mendapati, bagi negara-negara yang mempunyai pendapatan per kapita yang rendah dan masalah kemiskinan yang tinggi, jumlah kutipan zakat tidak mencukupi untuk menampung keperluan golongan miskin ini. Oleh itu, dana zakat yang ada perlu digunakan dengan cekap. Bantuan yang diberi tidak boleh dalam bentuk bantuan 'mencukupkan pendapatan' sahaja, sebaliknya bantuan yang diberi haruslah mampu meningkatkan produktiviti golongan miskin ini supaya dalam jangka panjang mereka bukan setakat boleh keluar dari kemiskinan tetapi juga mampu membayar zakat..

Patmawati Ibrahim²⁹ mengkaji kesan agihan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan di Selangor menggunakan data tahun 2001-2002. Kajian beliau menggunakan lima indeks kemiskinan yang popular digunakan oleh kebanyakan penyelidik dalam bidang ini, iaitu kadar kemiskinan, ($H = q/N$), jurang kemiskinan (P_1)³⁰, jurang pendapatan (P_2)³¹, Sen indeks (P_3)³² dan FGT indeks (P_4)³³. Indeks-indeks ini akan digunakan untuk menganalisis isu-isu berikut: Berapa ramai isirumah miskin; berapakah jurang kemiskinan tersebut; dan bagaimanakah beratnya tekanan kemiskinan tersebut. Hasil kajian beliau mendapati agihan zakat berjaya menurunkan kadar kemiskinan, merapatkan jurang kemiskinan dan mengurangkan jurang pendapatan. Sen indeks dan FGT indeks yang mengukur tekanan kemiskinan dengan mengambil kira tahap kebajikan masyarakat turut berkurangan. Kesimpulannya, kajian beliau mendapati agihan zakat mampu mengurangkan kadar kemiskinan, jurang kemiskinan dan tekanan kemiskinan yang diukur menggunakan indeks-indeks kemiskinan yang popular digunakan oleh para penyelidik dalam bidang ini.

Sehingga ini, artikel ini telah mengemukakan fakta-fakta secara teoretikal yang disokong oleh bukti-bukti empirikal dari kajian lepas tentang peranan agihan

²⁹ Patmawati Ibrahim (2006), op.cit, hh. 7.19–7.24.

³⁰ Jurang kemiskinan = $P_1 = \sum_{i=1}^q g_i$

³¹ Jurang pendapatan: $P_2 = \sum_{i \in S(z)} g_i / q$

³² Sen index: $P_3 = H \left[I + (1-I)G_p \right]$

³³ FGT index : $P_4 (y : z) = \frac{1}{n} \sum_{i=1}^q \left(\frac{g_i}{z} \right)^a$

zakat dalam meningkatkan pembangunan ekonomi ummah dengan melihat dari aspek agihan pendapatan dan pembasmian kemiskinan. Persoalannya, apakah tindakan selanjutnya yang perlu dilakukan untuk memastikan potensi agihan zakat benar-benar terlaksana. Hal ini melibatkan kerjasama dan tindakan bersepadu dari tiga pihak yang utama; iaitu pihak agensi zakat, para penerima agihan zakat; dan pihak kerajaan sendiri.

PRESTASI KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT DI MALAYSIA 1995-2005

Sepanjang tempoh satu dekad (1995–2005), imbangan belanjawan zakat di Malaysia sentiasa mengalami lebihan. Jadual 1 berikut menunjukkan belanjawan zakat Malaysia untuk tempoh 10 tahun. Kadar lebihan tertinggi ialah pada tahun 2001, sebanyak RM 112.96 juta.

Jadual 1: Belanjawan Zakat Malaysia (1995-2005) (RM Juta)


KUTIPAN/ AGIHAN	JUMLAH (RM JUTA)				
	1995	1996	1997	1998	1999
Jumlah Kutipan	124.32	161.97	203.46	196.87	195.51
Jumlah Agihan	92.07	132.4	146.7	144.7	143.5
Imbangan	32.25	29.57	56.76	52.17	52.01

KUTIPAN/ AGIHAN	JUMLAH (RM JUTA)					
	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Jumlah Kutipan	267.78	320.36	331.47	408.4	473.3	573.1
Jumlah Agihan	170.5	207.4	306.3	325.0	369.7	401.5
Imbangan	97.28	112.96	25.17	83.4	103.6	171.6

Sumber: Jabatan Agama Islam Malaysia, JAKIM, 2002; Pelbagai Pusat/Unit Zakat Negeri

Sepanjang tempoh 1995-2005, ekonomi Malaysia mengalami turun naik dalam pertumbuhan ekonomi disebabkan oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran. Di antara yang paling ketara ialah kemelesetan ekonomi bermula dari 1997–1999 sebagai kesan dari krisis kewangan antarabangsa. Selain

daripada itu, masalah selsema burung yang melanda negara di permulaan abad milenium mengakibatkan iklim ekonomi yang lembab dan memperlahankan pertumbuhan ekonomi. Namun, dalam keadaan demikian, seperti ditunjukkan dalam jadual di atas, institusi zakat masih lagi mendapat kepercayaan dari orang ramai, ditunjukkan dengan peningkatan dalam jumlah kutipan. Dalam tempoh pemulihan ekonomi mulai tahun 2000-2005, didapati jumlah kutipan zakat di Malaysia secara keseluruhannya terus meningkat. Ini turut ditunjukkan melalui rajah 1 berikut. Tahun 2006 dan 2007 juga menyaksikan peningkatan dalam jumlah kutipan dengan RM 670.6 juta pada tahun 2006, dan RM 806.3 juta pada tahun 2007.³⁴



PELAN TINDAKAN BERSEPADU KE ARAH KEBERKESANAN AGIHAN ZAKAT

Seperti dinyatakan di atas, untuk merealisasikan potensi agihan zakat dalam meningkatkan ekonomi ummah perlu kepada kerjasama dan tindakan bersepadu dari tiga pihak yang utama; iaitu pihak agensi zakat, para penerima agihan zakat; dan pihak kerajaan sendiri.

³⁴ Pusat Pungutan Zakat MAIWP (2008), Laporan Zakat 2007. Kuala Lumpur: PPZ MAIWP, h. 164.

1. PELAN TINDAKAN PIHAK AGENSI/INSTITUSI ZAKAT

a) Meningkatkan Kepercayaan Dan Keyakinan Orang Ramai Terhadap Program Agihan Zakat

Kepercayaan dan keyakinan para pembayar zakat terhadap institusi zakat ini perlu dipertingkatkan. Kajian perlu dilakukan untuk mengkaji di kalangan para pembayar zakat tersebut, berapa peratuskah daripada mereka merupakan pembayar baru, dan berapa peratuskah pembayar zakat yang kekal dalam industri. Para pembayar zakat akan yakin terhadap institusi zakat ini apabila mereka dapat melihat dan mengetahui kemanakah wang zakat mereka diagihkan. Dalam kata lain, untuk meningkatkan kutipan, agihan perlulah jelas dan diyakini.

b) Menyebarluaskan Promosi Agihan

Pihak institusi zakat perlu memperluaskan promosi berkaitan bentuk-bentuk agihan zakat yang boleh diperolehi oleh para asnaf. Sebagai contoh, bagi bantuan pendidikan berbentuk biasiswa untuk para pelajar Universiti, iklan boleh dimasukkan di akhbar-akhbar perdana seperti dilakukan oleh para penaja yang lain. Syarat yang jelas perlu dimasukkan. Begitu juga dengan program pembangunan usahawan yang dijalankan. Pihak institusi zakat juga, selain mencari sendiri asnaf zakat mereka, turut dicadangkan untuk mengiklankan di akhbar-akhbar. Ini akan menyebarkan maklumat dengan lebih luas, dan membolehkan mereka yang benar-benar berminat dan layak turut memohon. Ini akan meningkatkan darjah keberkesanan program agihan zakat tersebut. Secara tidak langsung juga, para pembayar zakat akan dapat melihat bahawa wang zakat yang mereka keluarkan digunakan dengan sepenuhnya. Hal ini akan meningkatkan keyakinan mereka untuk terus membayar zakat melalui institusi zakat.

c) Mengkaji Semula Bentuk Dan Jumlah Agihan Zakat Yang Diberi

Bentuk bantuan yang diberi kepada para penerima agihan zakat perlulah mengambil kira keperluan jangka pendek dan jangka panjang. Bagi keperluan jangka pendek, bantuan penggunaan semasa untuk makanan dan sara hidup perlu diberikan. Di samping itu, perlu juga diberi bantuan untuk membolehkan para penerima asnaf khususnya dari asnaf fakir dan miskin untuk mempunyai sumber pendapatan di masa akan datang. Untuk itu, jumlah bantuan yang diberikan kepada mereka perlu dinilai semula. Untuk jangka pendek, bantuan

yang diberikan hendaklah mampu memenuhi keperluan asas mereka, untuk membolehkan mereka menumpukan perhatian untuk projek ekonomi jangka panjang. Apabila projek ekonomi mereka mengeluarkan hasil, maka bantuan jangka pendek tersebut (penggunaan semasa) sudah boleh dihentikan, dan mereka tidak akan bergantung kepada zakat lagi, sebaliknya sudah boleh membayar zakat.

d) Mengadakan Kerjasama Dengan Agensi-Agensi Kerajaan Yang Berkaitan

Projek-projek pembangunan ekonomi/usahawan yang diceburi oleh asnaf meliputi pelbagai bidang. Termasuk diantaranya bidang ternakan, pertanian, perikanan, peruncitan, IKS dan sebagainya. Kita akui hakikat bahawa para pegawai zakat tidak mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tersebut. Walau bagaimanapun, usahawan zakat ini tidak boleh dibiarkan tanpa panduan, dengan hanya memberi suntikan modal sahaja. Apa yang boleh dilakukan oleh institusi zakat ialah mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang untuk program pertanian, FAMA untuk pemasaran, LKIM untuk perikanan, MEDEC untuk pembangunan usahawan dan IKS, dan sebagainya. Ini bertujuan untuk memastikan mereka mendapat nasihat yang betul dari pihak yang tepat, dan memastikan kejayaan perusahaan mereka.

e) Meningkatkan Bilangan Pembayar Zakat

Institusi-institusi zakat perlu berusaha meningkatkan bilangan pembayar zakat. Kajian pada tahun 1999 mendapati hanya 40% daripada mereka yang layak telah membayar zakat. Laporan PPZ Wilayah 2005 melaporkan, dari keseluruhan penduduk Islam di Malaysia, hanya seramai 4.1 juta sahaja yang membayar zakat. Bilangan ini perlu ditingkatkan kerana ia berkadar terus dengan jumlah kutipan zakat.

2. PELAN TINDAKAN KERAJAAN

a) Menggalakkan Jumlah Kutipan Zakat

Setelah mengetahui potensi zakat untuk menyumbang kepada peningkatan ekonomi ummah di arus perdana ekonomi negara, antara perkara yang dianggap kritikal dalam hal ini ialah untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat. Ini adalah bagi memenuhi keperluan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam, khususnya untuk mengeluarkan mereka dari kemiskinan. Mengikut Rancangan Malaysia Kesembilan, pada tahun 2004 sebanyak 3.8 juta isirumah di Malaysia berada di bawah garis kemiskinan. Daripada jumlah tersebut, 67 ribu isirumah merupakan golongan termiskin.³⁵ Golongan miskin terbesar adalah bangsa Melayu.

Mengikut data banci penduduk pada tahun 1999³⁶ jumlah penduduk Melayu di Malaysia adalah seramai 10.6 juta orang. Dalam RMK9, dinyatakan bahawa pada tahun 1999, 12.4% bumiputera berada dalam kemiskinan. Ini bererti pada tahun 1999, seramai 1.3 juta orang Melayu di Malaysia berada dalam kemiskinan. Sekiranya kita membahagikan kepada 4.6 orang per isi rumah, ini bererti jumlah isi rumah Melayu yang miskin adalah sebanyak 287,957 isirumah. Untuk menampung keseluruhan isi rumah ini keluar dari kemiskinan, jumlah dana yang diperlukan berdasarkan PGK 1999 sebanyak RM 529 ialah sebanyak RM 152.33 juta. Berdasarkan data kutipan zakat tahun 1999 dalam jadual 1 di atas, jumlah ini merupakan 78% dari keseluruhan jumlah kutipan. Perlu diingat bahawa terdapat 8 asnaf zakat. Fakir dan miskin hanya merupakan 2/8 dari keseluruhan asnaf. Ini menunjukkan jumlah kutipan zakat perlu ditingkatkan.

b) Rebat Cukai Terhadap Zakat Korporat

Salah satu daripada cara yang boleh dilakukan ialah dengan menggalakkan zakat korporat, melalui zakat perniagaan. Data tahun 2005³⁷ menunjukkan bahawa jumlah kutipan zakat perniagaan di Malaysia adalah sebanyak RM 109.7 juta. Ini merupakan 19.1 % dari keseluruhan kutipan zakat sebanyak RM 573.1 juta pada tahun 2005. Dalam keadaan di mana rebat kepada cukai tidak

35 Unit Perancang Ekonomi (2006), *op.cit*, h. 330.

36 Jabatan Perangkaan Malaysia (2000), *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, h. 35.

37 Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (2006), *Laporan Zakat 2005*. Kuala Lumpur: PPZ Wilayah Persekutuan, hh. 84-93.

diberi terhadap zakat korporat, kutipan sebanyak ini adalah satu perkara yang memberangsangkan. Oleh itu, artikel ini mencadangkan supaya pelepasan cukai diberi kepada zakat korporat.

Simulasi di bawah menunjukkan potensi yang bakal dikutip sekiranya rebat cukai dikenakan terhadap zakat korporat:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah cukai pendapatan syarikat 2006} &= \text{RM } 28,414 \text{ Juta}^{38} \\ \text{Andaikan hanya 30\% milik Melayu} &: \text{RM } 28,414 \text{ juta} \times 0.3 = \text{RM } \\ &8524.2 \text{ juta} \\ \text{Kadar cukai pendapatan korporat} &= 28\% \\ \text{Kadar zakat korporat} &= 2.5\% \\ \text{Jumlah zakat korporat Melayu} &= (\text{RM } 8524.2 \text{ juta} / 0.28) \times 0.025 \\ &= \text{RM } 761.0893 \text{ juta.} \end{aligned}$$

Sekiranya rebat cukai diberi terhadap zakat korporat menjadi insentif kepada syarikat-syarikat Melayu untuk membayar zakat perniagaan mereka, tahun 2007 akan menyaksikan penghasilan sebanyak RM 761.09 juta tambahan kepada jumlah kutipan zakat negara. Selanjutnya, sekiranya jumlah ini digunakan untuk membasmi kemiskinan, simulasi menunjukkan:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah zakat korporat} &: \text{RM } 761.0893 \text{ juta} \\ \text{Pendapatan garis kemiskinan sebulan} &: \text{RM } 691 \\ \text{Pendapatan garis kemiskinan setahun} &: \text{RM } 691 \times 12 = \text{RM } 8292 \\ \text{Sekiranya 50\% diguna untuk membasmi kemiskinan:} & \\ & \text{RM } 380.5447 \text{ juta} \\ &= \text{RM } 380.5447 \text{ juta} / 8292 \\ &= 45,893 \text{ isi rumah} \end{aligned}$$

Ini bermakna, sekiranya separuh sahaja dari jumlah zakat korporat tersebut digunakan untuk membasmi kemiskinan, ia dapat mengeluarkan sejumlah 45,893 isi rumah dari kemiskinan. Tahun 2004 menyaksikan bilangan isi rumah miskin dan termiskin sebanyak 67 ribu, penggunaan separuh zakat korporat 2007 akan mengurangkan bilangan isi rumah miskin sebanyak 67%.

³⁸ Kementerian Kewangan Malaysia (2006), Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2007, h. 30.

c) Penubuhan Tabung Zakat Negara (TZN)

Jumlah kutipan zakat antara negeri di Malaysia adalah tidak seimbang. Bagi negeri-negeri maju seperti Wilayah Persekutuan, Selangor dan Johor, kutipan zakat mereka adalah tinggi berbanding negeri-negeri seperti Perlis, Kelantan dan Sabah. Walau bagaimanapun, keperluan agihan zakat berlaku sebaliknya. Negeri-negeri maju ini biasanya mempunyai lebihan yang banyak dalam imbalan zakat mereka berbanding negeri-negeri lain yang memerlukan suntikan dalam agihan zakat mereka. Faktor lokaliti menyebabkan lebihan dana zakat di negeri-negeri maju sukar untuk disalurkan ke negeri-negeri yang memerlukan. Ini menyebabkan berlakunya keadaan di mana negeri mundur berperang dengan isu memenuhi keperluan hidup fakir dan miskin, negeri yang mempunyai lebihan pula mengumumkan untuk menambah jumlah bantuan untuk majlis perkahwinan misalnya.

Berdasarkan senario di atas, artikel ini mencadangkan bahawa telah sampai masanya penubuhan Tabung Zakat Negara ditubuhkan. Tujuan utama ialah untuk penyelarasan dana zakat, supaya ia boleh diagihkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan tanpa sekatan lokaliti, dan digunakan serta diagihkan dengan lebih cekap dan berkesan.

Selain daripada itu, penubuhan Tabung Zakat Negara ini akan membolehkan perancangan lebih rapi dibuat bagi pembangunan pendidikan, perubatan dan keusahawanan. Dana yang terkumpul dari setiap negeri memudahkan perancangan. Untuk pembangunan pendidikan misalnya, TZN boleh mengusahakan penubuhan lebih banyak institusi-institusi pendidikan untuk manfaat asnaf. TZN juga boleh menggunakan dana yang ada untuk menubuhkan pusat-pusat perubatan. Begitu juga dari bidang keusahawanan. TZN boleh menubuhkan halal-hub bagi perusahaan dan kilang-kilang yang dibangunkan dengan dana zakat. Ini akan memudahkan mereka dari segi pemasaran barangan.

3. PELAN TINDAKAN PENERIMA AGIHAN ZAKAT

Para penerima agihan zakat adalah merupakan entiti utama dalam memastikan keberkesanan program agihan zakat untuk meningkatkan ekonomi ummah. Pihak lain hanya boleh membantu, menyediakan segala kemudahan, ruang dan peluang. Tetapi sekiranya mereka tidak bersedia dan bekerjasama, maka segala usaha ini akan gagal. Pepatah ada menyatakan, “kita boleh memaksa kuda pergi ke air, tetapi kita tidak boleh memaksa kuda untuk minum air”. Ini bermakna, meningkat atau tidaknya ekonomi ummah bergantung kepada ummah itu sendiri. Untuk itu mereka perlulah mematuhi etika dalam menerima agihan dana zakat. Mereka hendaklah jujur dan bertekad untuk memperbaiki diri. Mereka hendaklah berusaha bersungguh-sungguh, menjalani latihan dan memuhasabah diri dari masa ke semasa untuk memastikan kejayaan mereka, keluar dari asnaf zakat, dan menjadi pembayar zakat.

KESIMPULAN

Zakat, sekiranya dilaksanakan dengan berkesan bukan hanya akan meningkatkan aspek rohani masyarakat sahaja, sebaliknya akan meningkatkan tahap sosio-ekonomi ummah. Keberkesanannya bergantung kepada kerjasama dan tindakan bersepadu semua pihak yang terbabit, iaitu pihak institusi zakat, pihak kerajaan dan pihak asnaf zakat sendiri.

RUJUKAN

- Al-Harran, Saad Abd Sattar (1993), *Islamic Finance*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Al-Qardhawi, Yusuf (1981), *Economic Security in Islam*. Lahore: Kazi Publication.
- Anwar, Muhammad, (1995), "Financing Socio-Economic Development With Zakat Funds", *Journal of Islamic Economics*, vol. 4 no. 1&2.
- Ariff, Mohamed (1991), *The Islamic Voluntary Sector in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ataul-Haq, Pramanik (1990), *Development and Distribution in Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Foster, J., Greer, J., Thorbecke, E. (1984), "Notes And Comments: A Class Of Decomposable Poverty Measures", *Econometrica*, vol. 52, no. 3, May, 761-766.
- Hasanuz Zaman S.M. (1991), *Economic Functions of an Islamic State*. The Islamic Foundation, Karachi: International Islamic Publishers.
- Hassan, M. Kabir and Ahmed, Mahmood (2000), "Poverty Alleviation and Zakat Funds: Substitutability of Zakat Funds in the Budget of the Government of Bangladesh", *The Balance*, Spring 2000.
- Imtiaz I.A., Mannan M.A., Niaz M.A. and Deria A.H. (eds.) (1989), *Management of Zakat in Modern Muslim Society*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, IDB.
- Iqbal, Munawar (1986), *Distributive Justice and Need Fulfilment in an Islamic Economy*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Ismail Muhd Salleh and Rogayah Ngah. (1980), "Distribution Of The Zakat Burden On Padi Producers In Malaysia." in M. Raquibuz Zaman (ed.), *Some Aspects of the Economics of Zakat*. New York: American Trust Publication.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2000), *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2000*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jehle, Geoffrey A. (1994), "Zakat and Inequality: Some Evidence From Pakistan", *Review of Income and Wealth*, Series 40, Number 2, June.
- Kahf, Monzer (1997), "Potential Effects of Zakat on Government Budget", *IIUM Journal of Economics & Management*, vol. 5, no.1.

- Kahf, Monzer (1999), "The Performance of the Institution of Zakat in Theory and Practice", Paper presented in the International Conference on Islamic Economics in the 21st Century, held in Kuala Lumpur, 9-12 August 1999.
- Kementerian Kewangan Malaysia (2006), *Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2007*.
- Kuran, Timur (2002), "Islamic Redistribution Through Zakat: Medieval Roots of Contemporary Problems", Paper presented at a Conference on Poverty and Charity in the Forthcoming in *Conference Volume*, Suny Press, 2002. Middle East, (held at the University of Michigan, Ann Arbor, on May 4-7, 2000).
- Mohd. Ma'sum Billah (1996), "The Modern Social Security System - The Institution Of 'Zakat' An Appraisal", *Business Law Journal*. February 1996.
- Patmawati Ibrahim (2006), "Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor", PhD Thesis. Faculty of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia.
- Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (2006), *Laporan Zakat 2005*. Kuala Lumpur: PPZ Wilayah Persekutuan.
- Pusat Pungutan Zakat MAIWP (2008), *Laporan Zakat 2007*. Kuala Lumpur: PPZ MAIWP.
- Sadeq, AHM (1991), "Distribution Through Transfers and Other Measures" in *Economic Development In Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Sadeq, AHM (1991), *Economic Development in Islam*, Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Sheikh Abdullah Basmeih (1992), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Shirazi, N.S. (1996), *System of Zakat in Pakistan: An Appraisal*, Islamabad: International Institute of Islamic Economics.
- Shirazi, N.S. (1994), "An Analysis Of Pakistan's Poverty Problem And It's Alleviation Through Infaq", Ph.D Dissertation, Islamabad, International Islamic University.
- Unit Perancang Ekonomi, JPM (2006), *Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9: 2006-2010)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

